THE STAR
18 DISEMBER 2012
MS: 6

the star 18/12/2012 m.s. 06

# Ariffin's remarks inaccurate, says PSC

By LEE YEN MUN
yenmun@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** The Public Service Commission (PSC) has chided newly appointed DAP vice-chairman Dr Ariffin S.M. Omar for allegedly saying that corruption could be wiped out from the public service if it was not monopolised by one race.

News portal *AntaraPos.com* quoted Dr Ariffin as proposing a massive reshuffle in the police and civil service if Pakatan Rakyat took control of Putrajaya in the coming general election.

He was reported to have said at the recent party congress that corruption could be eradicated more effectively if the two sectors were not dominated by the Malays.

PSC chairman Tan Sri Mahmood Adam brushed off Dr Ariffin's remarks as "inaccurate".

"Don't just look at the surface, this is a war of perception we have to fight," Mahmood said at the PSC office here yesterday.

He said the commission had embarked on a campaign to encourage more non-Malays to join the civil service and the police force.

"For about seven months, we have worked with various non-governmental organisations, as well as Chinese and Indian associations, and we have seen changes.

"There has been an increase in the number of non-Malays (interested in the civil sector) this year, probably more than five times (the previous trend)," Mahmood said, adding that he would unveil the figures next week.

He said the Malays made up the dominant group in the civil service because out of 1.2 million job applications received each year, 80% were from them.

**UTUSAN MALAYSIA**
**18 DISEMBER 2012**
**MS: 25**

## Statistik pengambilan kakitangan awam mengikut pecahan kaum diumum minggu depan

# Jumlah bukan Melayu naik ketara

utusan malaysia
m/s 25 18/12/12

Oleh NAZMIL NASIRUDDIN
pengarang@utusan.com.my



> Kalau kita lihat jumlah permohonan orang Melayu melebihi 800,000 dan pengambilan adalah berdasarkan merit bukan kuota
>
> MAHMOOD ADAM
> Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

**PUTRAJAYA** 17 Dis. - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bakal mengumumkan statistik pengambilan kakitangan kerajaan sepanjang tahun ini yang menyaksikan peningkatan penyertaan kaum-kaum lain.

Pengerusinya, Tan Sri Mahmood Adam berkata, statistik yang akan diumumkan minggu depan itu adalah mengikut pecahan kaum yang diterima dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini.

Katanya, secara umumnya terdapat peningkatan permohonan sebanyak lima kali ganda daripada bukan Melayu berbanding tahun lalu terutamanya daripada kaum Cina.

"Permohonan yang diterima adalah melebihi 10 peratus dan bukan lagi dalam lingkungan dua peratus seperti tahun sebelum ini.

"Angka sebenar akan dikeluarkan pada minggu hadapan bukan pada hari ini. Ini adalah serius dan bukan retorik," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar majlis pengenalan pemain dan penyertaan kelab bolak sepak, SPA Putrajaya FC ke Liga Perdana 2013 di sini hari ini.

Ditanya mengenai usul Kongres Kebangsaan DAP ke-16 supaya rombakan besar-besaran sektor awam dibuat untuk memecahkan dominasi Melayu, Mahmood menyifatkan kenyataan itu sebagai tidak tepat.

Katanya, perkara itu boleh dijelaskan melalui statistik permohonan dalam tempoh tiga tahun ini.

"Daripada 1.2 juta permohonan yang diterima, 80 peratus terdiri daripada orang Melayu, dua peratus masing-masing kaum Cina dan India serta selebihnya kaum-kaum lain.

"Kalau kita lihat jumlah permohonan orang Melayu melebihi 800,000 dan pengambilan adalah berdasarkan merit bukan kuota," katanya.

Beliau menjelaskan, akibat jumlah permohonan yang terlalu tinggi, kelihatan seakan-akan orang Melayu mendominasi sektor awam.

Katanya, kerajaan sentiasa berusaha menarik minat bukan Melayu untuk menyertai sektor awam termasuk bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan yang mewakili kaum berkenaan.

**SINAR**
**18 DISEMBER 2012**
**MS: 63**

Sinar 18/12/2012 m.s: 63

# Kekal 85 peratus muka lama




**Mahmood (tengah) menunjukkan jersi tertera namanya pada majlis pengenalan pemain SPA Putrajaya FC, semalam.**

KELAB Bola Sepak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA Putrajaya FC) mengekalkan hampir 85 peratus pemain lama bagi mengharungi musim 2013 saingan liga bola sepak tempatan, lapor *SUBKHI SUDARJI.*

Bakal beraksi dalam Liga Perdana, hanya beberapa pemain baru dibawa masuk antaranya bekas pemain Sime Darby FC, Mohd Nor Ismail dan Kuala Lumpur, Mohamed Aslam Haja Najumuden di posisi pertahanan.

Penaung SPA Putrajaya FC, Tan Sri Mahmood Adam menjelaskan, rata-rata pemain yang bakal beraksi berusia lingkungan 18 hingga 23 tahun terdiri dari kakitangan kerajaan.

"Hampir 85 peratus pemain lama kita kekalkan dan hanya membawa beberapa muka baru bagi memantapkan pasukan bimbingan, Nizam Jamil.

"Kita yakin kemampuan pemain dan mengharapkan persembahan bertenaga mampu dijelmakan," katanya pada majlis pengenalan pemain SPA Putrajaya FC di Putrajaya, semalam.

Jelasnya, tidak memiliki pemain import bukanlah halangan SPA Putrajaya FC mempamerkan kehebatan dan saingan kepada pasukan lain serta meletakkan sasaran empat terbaik dalam Liga Perdana.

"Layak dalam saingan Liga Perdana 2013 satu kebanggaan bagi kita yang merupakan satu-satunya pasukan dari Putrajaya dan Jabatan Kerajaan bukan beruniform selain Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Sasaran empat terbaik dalam Liga Perdana dianggap relevan dan ia disandarkan sepenuhnya kepada pemain tempatan untuk melakukannya," katanya.

Sebelum ini SPA Putrajaya FC dinobatkan Juara Piala FAM 2012 sekali gus secara automatik berjaya menyertai Liga Perdana 2013 serta berjaya melangkah saingan suku akhir Piala FA 2012 sebelum tewas kepada Juara FA 2012, Kelantan.

THE SUN

18 DISEMBER 2012

MS: 2


The Sun 18/12/2012 P-2

# More non-Malays applying to join civil service

BY ***HEMANANTHANI SIVANANDAM***

newsdesk@thesundaily.com

**PUTRAJAYA:** More non-Malays have applied to join the civil service this year compared with previous years.

Public Service Commission (PSC) chairman Tan Sri Mahmood Adam said the first seven months of this year saw an increase in the number of non-Malay applicants, "but the exact figures will only be released next week".

He explained that the PSC gets an average of 1.2 million applications a year, out of which 80% are from Malays, 2% each from Chinese and Indians and the rest from Sabah and Sarawak.

"We want the numbers to increase, which is why we have invited non-Malays to join.

"Next week, we can get the full figures on how many Indians and Chinese have applied. I believe it is more than 10% from the Indian community, and much more from the Chinese," said Mahmood in a press conference after introducing members of the PSC football club yesterday.

He said this in response to a report by an online news portal (AntaraPos.com), which quoted DAP senator Ariffin S.M Omar as saying that the civil service and the police force should be revamped as Malays were seen to be dominating them.

Cuepacs president Datuk Omar Osman, however, dismissed Ariffin's claim, saying that low wages and an uncertain future are among the reasons why non-Malays shy away from the civil service and the police force.

Mahmood said the PSC is continuously engaging with various non-governmental organisations as well as Chinese and Indian associations to help increase the participation of non-Malays in the civil service.

"The statement that Malays are dominant (in the civil service) is partly right due to the high number of applications, but don't just look at the surface, we at PSC need to identify the root of the problems.

"This is what we are doing," he added.

**NEW STRAITS TIMES**
**18 DISEMBER 2012**
**MS: 47**



FOOTBALL

# No lux-ury for 15 stadiums

**M-LEAGUE:** Only five teams get the green light to host matches at night

AJITPAL
ajitpalsingh@nst.com.my

NINETEEN M-League teams will have to play under the scorching afternoon sun as a large number of stadiums have failed to meet the floodlight specifications for the new season.

With the season less than three weeks away, only four stadiums have met the minimum requirement, set by the FA of Malaysia (FAM), to host matches at night.

The approved stadiums are the Shah Alam Stadium, Darulmakmur Stadium in Kuantan, the Sarawak Stadium in Kuching and Jalan Besar Stadium in Singapore.

These stadiums have a minimum illumination reading of 1,000 lux. Lux is the SI unit of illuminance and luminous emittance.

As it stands, only Super League sides: Selangor, Pahang and Singapore's LionsXII and Premier League's KL SPA — will play their home matches at 8.45pm.

This means nine Super League teams and 10 Premier League sides will host matches in the afternoon.

Fans attendance at stadiums have been dropping for the last few seasons and it will get worse if matches are played in the afternoon.

Fans will not want to suffer from sunburn or endure peak-hour traffic jams to watch afternoon matches.

The state FAs of the "unapproved" stadiums have been given many reminders by FAM but most of them, except for the Negri Sembilan FA (NFA) and Perak FA (PFA), appear to be indifferent.

The NFA and PFA are taking steps to upgrade the floodlights from 800 lux to 1,000 lux at their home venues — Tuanku Abdul Rahman Stadium and Perak Stadium.

For the M-League's night matches, a minimum illumination of 1,000 lux is required but for international games, a minimum of 1,200 lux is a must.

FAM local competitions committee chairman Datuk Hamidin Mohd Amin said: "We have given them ample time and had sent them reminders but some teams just do not want to take the initiative.

"We even made it clear at a recent M-League seminar," said Hamidin at the launch of the Frenz International Cup at a hotel in Kuala Lumpur yesterday.

"My vision is to have our teams play in the AFC Champions League in two or three years' time, but this will not happen if the teams continue not to meet basic regulations."

"We will keep it at 1,000 lux for two seasons before increasing the minimum requirement by 200 lux for the 2015 and 2016 seasons."

> "We have given them **ample time** and had sent them reminders but some teams just do not want to take the initiative."
> **Datuk Hamidin Mohd Amin**

**Teams and home venues for night matches**

INFOGRAPHIC: NST

| Approved | Not approved | | |
|---|---|---|---|
| **Selangor and KL SPA** (Shah Alam Stadium) | **Armed Forces and PKNS** (MBPJ Stadium) | **Perak** (Perak Stadium) | **Perlis** (Utama Stadium) |
| **Pahang** (Darulmakmur Stadium) | **Felda United** (Hang Jebat Stadium) | **Negri Sembilan** (Tuanku Abdul Rahman Stadium) | **Sabah** (Likas Stadium) |
| **LionsXII** (Jalan Besar Stadium) | **Darul Takzim** (Hassan Yunos Stadium) | **NS Betaria** (Tampin Mini Stadium) | **Federal Territory** (KLFA Stadium) |
| **Sarawak** (Sarawak Stadium) | **Kelantan** (Sultan Mohd IV Stadium) | **Johor United** (Pasir Gudang Stadium) | **Police, Pos Malaysia and Sime Darby FC** (Selayang Stadium) |
| | **Terengganu and T-Team** (Sultan Ismail Nasiruddin Shah Stadium) | **Kedah** (Darulaman Stadium) | **UiTM** (UiTM Stadium) |

***Note:** Night matches start at 8.45pm, while afternoon matches start at 4.45pm



**NEW STRAITS TIMES**
**18 DISEMBER 2012**
**MS: 4**

NST Pg4 18/12/2012.

# Non-Malay interest in govt jobs up

**PUTRAJAYA:** There has been an increase in non-Malays applying to join the civil service this year, revealed the Public Service Commission.

Its chairman, Tan Sri Mahmood Adam, said there had been a 10 per cent increase in applications from non-Malays for public sector jobs.

He also said there was a slight increase in the number of Chinese applicants compared with Indians.

Mahmood said the latest figures on the number of non-Malay applicants to public sector would be released on Monday.

In the most recent figures published, out of 1.12 million applications, 893,292 or 79.5 per cent were from Malays, 23,547 (2.1 per cent) from the Chinese and 36,729 (3.27 per cent) from the Indians.

He also acknowledged that Malays dominate the public sector.

"This is because most of the applicants we have received are from Malays," he said here yesterday.

On the allegation made by DAP Senator Dr Ariffin S.M. Omar that the police and public sector were dominated by Malays and both sectors must be revamped, Mahmood said it was a matter of perception and that individuals must not look at the matter on the surface only.

"The commission is studying the reasons and looking for the root cause behind the lukewarm reception to government posts among non-Malays.

"Not only that, we have also engaged with various stakeholders, including non-governmental organisations and community leaders to get their input on the matter," Mahmood added.

Earlier, the PSC chairman was introduced to the Public Service Commission Football Club (SPA Putrajaya FC), which will make its debut in the Premier League next year after winning the FAM League.

Mahmood said the commission's football club was the only club from the federal administrative capital and a non-uniformed government department that had managed to enter the FAM League.

The Royal Malaysia Police has a team in the Premier League while the Armed Forces has a team in the Super League.

"The club is aiming to be in the top four of the league next year and also to participate in the Super League by 2014."

As part of the club's training before the Premier League season starts, the club has organised friendly matches with several football associations, such as Selangor FA, Pahang FA and Felda United.

Out of the six matches played, SPA Putrajaya FC won three, lost two and drew one.

SINAR
18 DISEMBER 2012
MS: 12

Sinar 18/12/2012 m.s. 12

# Permohonan bukan Melayu meningkat

**PUTRAJAYA** - Permohonan daripada bukan Melayu, khususnya kaum Cina dan India untuk menyertai perkhidmatan awam meningkat kepada lebih 10 peratus tahun ini berbanding sekitar dua peratus sebelum ini.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Mahmood Adam berkata, statistik lengkap mengenai perkara itu akan dikeluarkan SPA minggu depan.

"...statistik lengkap itu untuk jumlah terkini permohonan yang telah diterima juga permohonan yang diterima masuk ke perkhidmatan awam," katanya kepada media, semalam.

Beliau diminta mengulas mengenai usul Kongres Kebangsaan DAP ke-16 yang berakhir kelmarin, bahawa rombakan besar-besaran perlu dibuat bagi memecahkan dominasi Melayu dalam sektor awam.

Mahmood berkata, kerajaan sentiasa berusaha menarik minat kaum bukan Melayu untuk menyertai sektor awam termasuk mengadakan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan yang mewakili kedua-dua kaum berkenaan.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Kelab Bola Sepak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA PUTRAJAYA FC) akan beraksi dalam Liga Perdana pada musim depan selepas menjuarai Liga FAM 2012.

"Jadi kita harap selepas ini pasukan itu akan terus cemerlang dan dapat beraksi dalam Liga Super pula pada 2014," katanya pada majlis memperkenalkan pemain pasukan itu. - Bernama

HARIAN METRO
18 DISEMBER 2012
MS: 60

Harian Metro
MS 60 18/12/2012

# SPA Putrajaya FC optimis tanpa kelibat awang import

PENDATANG baru Liga Perdana 2013, Kelab Bola Sepak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA Putrajaya FC) optimis mampu bersaing dengan pasukan lain walaupun tanpa pemain import.

Pengurus pasukan, Nizam Jamil berkata, hampir 50 peratus muka lama dikekalkan selain mengambil beberapa pemain baru berpengalaman untuk memantapkan skuad juara Liga Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) 2012 itu bagi saingan musim depan.

"Kami yakin dengan kehadiran pemain baru berpengalaman selain perlawanan pramusim, kami mampu memberi saingan kepada pasukan lain dalam Liga Perdana walaupun tanpa khidmat pemain import," katanya kepada pemberita selepas majlis pengenalan pemain skuad itu yang disempurnakan Pengerusi SPA merangkap penaung kelab, Tan Sri Mahmood Adam di Putrajaya, semalam.

Antara pemain berpengalaman yang menyertai kelab yang ditubuhkan pada 2005 itu ialah bekas pemain Harimau Muda B, Gan Jay Han, bekas kapten Kuala Lumpur, Mohamed Aslam Haja Najumudden dan bekas pemain tengah Pulau Pinang, Mohd Arsyah Mohd Ayob.

Nizam yang juga bekas pemain Selangor berkata, pasukan itu berhasrat melayakkan diri buat julung kali ke Piala Malaysia.

"Saya harap kami mampu menjadi empat pasukan terbaik Liga Perdana musim depan sekali gus layak ke Piala Malaysia selain memberi saingan sengit kepada pasukan negeri.

"Untuk saingan Piala FA, kami tidak meletakkan sasaran tinggi memandangkan akan bertemu Terengganu pada pusingan pertama, namun saya harap pemain mampu memberi persembahan terbaik."

Sementara itu, ketua jurulatih pasukan, Mohd Shah Norbit berpuas hati dengan persiapan anak buahnya untuk menghadapi cabaran musim depan melalui enam perlawanan persahabatan.

Daripada enam perlawanan itu, pasukan itu menang tiga kali, termasuk mengalahkan Selangor 2-1, satu seri dan dua kalah. - Bernama

**KOSMO**
**18 DISEMBER 2012**
**MS: 61**

# SPA Putrajaya FC tanpa pemain import

KOSMO 18/12/12 m/s 61

**PENDATANG** baharu Liga Premier 2013, Kelab Bola Sepak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA Putrajaya FC) optimis mereka mampu bersaing dengan pasukan lain walaupun tidak menggunakan khidmat pemain import.

Pengurus pasukan, Nizam Jamil berkata, hampir 50 peratus muka lama dikekalkan selain mengambil beberapa pemain baharu yang berpengalaman untuk memantapkan skuad juara Liga Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) 2012 itu bagi saingan musim hadapan.

"Kita percaya dengan kemasukan pemain-pemain baharu yang berpengalaman serta perlawanan pra musim yang kita jalankan, kita mampu memberi saingan kepada pasukan lain dalam Liga Premier walaupun tanpa khidmat pemain import untuk musim depan," katanya.

Nizam bercakap kepada pemberita selepas majlis pengenalan pemain skuad itu yang disempurnakan Pengerusi SPA merangkap penaung kelab, Tan Sri Mahmood Adam di Putrajaya semalam.

Antara pemain berpengalaman yang menyertai kelab bola sepak yang ditubuhkan pada 2005 itu ialah bekas pemain Harimau Muda B, Gan Jay Han; bekas kapten Kuala Lumpur, Mohamed Aslam Haja Najumudden dan bekas pemain tengah Pulau Pinang, Mohd. Arsyah Mohd. Ayob.

Mengulas lanjut, Nizam yang juga bekas pemain Selangor berkata, pasukan itu berhasrat melayakkan diri buat julung kalinya ke saingan Piala Malaysia musim depan.

"Saya harap kita mampu menempatkan diri menjadi empat pasukan terbaik dalam Liga Premier musim hadapan sekali gus layak ke Piala Malaysia selain memberi saingan sengit kepada pasukan negeri.

"Untuk saingan Piala FA, kami tidak meletakkan sasaran tinggi memandangkan kita akan bertemu Terengganu pada pusingan pertama, namun saya berharap pemain mampu memberi persembahan terbaik," katanya.

Sementara itu, ketua jurulatih, Mohd. Shah Norbit berkata, beliau berpuas hati dengan persiapan anak-anak buahnya untuk menghadapi Liga Premier musim akan datang melalui enam perlawanan persahabatan pramusim.

Daripada enam perlawanan berkenaan, pasukan itu mencatat tiga kemenangan termasuk mengalahkan Selangor 2-1, satu keputusan seri dan dua kekalahan.

Beliau turut berharap pengurusan pasukan mampu mendapatkan pemain import yang bersesuaian ketika jendela perpindahan pemain musim kedua dibuka April depan.

"Kita pernah menjalankan ujian ke atas seorang pemain luar negara sebelum ini tetapi FAM tidak meluluskan permohonan kita memandangkan pemain itu beraksi di Divisyen 2 Liga Perdana Thailand, jadi kita terpaksa menggugurkan dia," katanya.

Pasukan SPA Putrajaya FC menjadikan Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur di Cheras sebagai gelanggang utama mereka musim hadapan.




**BARISAN pemain SPA Putrajaya FC yang akan menggalas cabaran dalam saingan Liga Premier musim depan.**

### INFO Barisan pemain SPA Putrajaya FC musim 2013

Mohamad Soffuan Tawil, Mohd. Faiz Ismail, Mohd. Nuraizat Abdul Aziz, Mohd. Nor Ismail, Mohd. Amri Fazal Mat Nor, Khairil Anuar Khalid, Muzammer Mohmad Zaki, Gan Jay Han, Sazali Suwandi, Muhd. Nabil Fikri Ilias, Nor Azizi Azman, Muhammad Haznur Aliff Abdul Kamal, Mohamed Aslam Haja Najumuden, Rosli Muda, Raja Mohd. Hafillah Raja Mamat, Muhammad Fikri Elhan, Norfahmie Hadzrin Nordin, Mohd. Norhafizzuan Jailani, Mohd. Zulkifli Affendi Mohd. Zakri, Mohd. Rosdi Zakaria, Fadzly Iskandar Adnan, Muhd. Nor Saiful Abdul Rahman, Mohd. Arsyah Mohd. Ayob, Muhammad Asyraf Mohd. Aljapri, Muhammad Asyidi Dil Sashar Yusof, Mohd. Farizal Rozali, Mohammad Hakim Zainal, Mohd. Hanifuddin Abdul Rahman, A. Puvana Rajah, Mohd. Asrulnazwan Ibrahim, Khairol Azry Abdul Rahman.